

BAB TIGA

METODOLOGI

Pengenalan

Bab ini akan menerangkan berkaitan latar belakang sekolah dan sampel kajian, instrumen kajian dan diikuti huraian terperinci tentang kaedah yang digunakan dalam menghasilkan dan menilai modul pengajaran kendiri bagi pemulihan tajwid hukum Nun Sakinah dan Tanwin dan Mim Sakinah bagi pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Ini termasuklah pengumpulan data dan analisis data.

Kajian menggunakan reka bentuk penyelidikan deskriptif melibatkan beberapa teknik penyelidikan. Secara keseluruhannya kajian ini terbahagi kepada tiga tahap:

Tahap pertama : mereka bentuk dan penghasilan Modul pengajaran kendiri. Bagi tujuan penghasilan modul ini secara amnya mengandungi lima fasa iaitu fasa analisis, fasa pengembangan, fasa reka bentuk, fasa penilaian dan fasa pelaksanaan. Dari lima fasa ini dapat diagihkan mengikut reka bentuk Dick and Carey kepada sembilan peringkat. Tahap kedua : menjalankan ujian rintis penilaian formatif untuk mengetahui kesesuaian dan keberkesanan modul tersebut untuk digunakan sebagai bahan pembelajaran kendiri untuk pelajar pemulihan dan Tahap ketiga : merupakan analisis data dan maklumat.

Sejarah Perkembangan Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang (SMTKK)

Seiring dengan wawasan negara ke arah negara perindustrian, Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang menawarkan dua bidang pengkhususan kursus iaitu Kursus kejuruteraan elektrik untuk pelajar aliran teknik dan Kursus elektrik dan elektronik bagi aliran Vokasional. Bidang-bidang pengkhususan ini akhirnya akan menjurus pelajar-pelajar pada akhir pengajian untuk mendudukki peperiksaan SPM (untuk aliran teknik) dan SPMV (untuk aliran vokasional). Pengambilan pelajar ke sekolah ini terdiri dari mereka yang berjaya mendudukki Tingkatan Empat setelah mendapat kejayaan di dalam PMR berdasarkan gred yang ditetapkan. Pelajar-pelajar sekolah ini akan berada di sini selama dua tahun yang meliputi Tingkatan empat dan lima. Sembilan puluh lapan peratus pelajarnya tinggal di asrama yang menyediakan berbagai program peningkatan prestasi pelajar.

Persampelan

Prosedur pemilihan sampel.

Berdasarkan keputusan peperiksaan pertengahan tahun pelajar-pelajar Tingkatan Empat 1998 menunjukkan seramai 14.9% (37 pelajar) dari 249 orang pelajar yang gagal di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan markah kurang dari 40%. Jika dilihat kepada pengagihan markah Bahagian A (Tilawah wajaran markah yang ditentukan sebanyak 40/40) manakala Bahagian B (Aqidah, Sifat dan cara hidup, Tamaddun dan Ibadat wajaran markah yang ditentukan 60/60). Dari kedua-dua bahagian ini, peratusan pencapaian markah di Bahagian A adalah rendah berbanding dengan

Bahagian B di mana 40% daripada pelajar-pelajar yang gagal tersebut mendapat markah kurang dari 20/40. Guru-guru panitia Pendidikan Islam merasakan pelajar-pelajar yang berpencapaian rendah ini bermasalah apabila menjawab soalan yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Quran serta tajwid. Kelemahan ini didapati apabila rata-rata pelajar, jika mereka menjawab soalan berkaitan hukum tajwid, ayat hafazan, kefahaman dan mengisi tempat kosong dengan menulis semula kalimah yang betul berdasarkan al-Quran, pelajar tersebut mengosongkan tempat jawapan atau jawapan yang diberikan salah. Antara bentuk-bentuk soalan dalam Bahagian A, hukum tajwid memperuntukkan wajaran markah sebanyak 10 markah daripada 40 markah. Walau bagaimanapun kebanyakan pelajar mendapat markah kurang dari 4/10.

Penyelidik beranggapan jika pelajar lemah untuk menguasai hukum tajwid bererti mereka lemah di dalam menguasai tilawah al-Quran. Sehubungan itu satu ujian diagnostik telah dijalankan oleh panitia Pendidikan Islam ke atas semua pelajar tingkatan empat yang meliputi hukum tajwid berkaitan tajuk hukum Nun sakinah dan Mim sakinah sahaja. Ini kerana hukum-hukum tersebut merupakan pelajaran asas bagi tajwid al-Quran. Hasil dari keputusan ujian tersebut, pelajar yang pencapaiannya kurang dari 35% dianggapkan pelajar yang terlalu lemah di dalam menguasai hukum tajwid ini. Mereka dipilih sebagai subjek dalam kajian ini.

Seramai 20 orang pelajar telah dipilih secara rawak untuk menjadi sampel kajian ini. Penyelidik menggunakan Jadual nombor rawak bagi memudahkan pemilihan. Ia bertujuan untuk mengelakkan dari berlaku bias selain dari memperolohi sampel yang bertepatan dengan kajian. Rasionalnya

mereka yang dipilih adalah terdiri dari pelajar yang memperolehi markah 35% ke bawah. Setelah pelajar tersebut dipilih penyelidik menamakan mereka dengan s1,s2,s2 dan seterusnya sehingga s20. Pelajar-pelajar yang dipilih meliputi kedua-dua aliran Vokasional dan Teknik, yang melibatkan 7 orang pelajar perempuan dan 13 orang pelajar lelaki.

Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini dapat diberikan kepada dua peringkat iaitu sebelum penghasilan modul dan sesudah penghasilan modul.

Ujian diagnostik.

Sebelum penghasilan modul, satu set ujian diagnostik telah digunakan yang mengandungi 50 soalan -soalan berkaitan ketiga-tiga tajuk hukum tajwid terpilih. Soalan-soalan tersebut telah diberikan kepada tiga bab iaitu bahagian Nun Sakinah dan Tanwin dan Mim Sakinah. Soalan-soalan telah disediakan oleh Panitia Pendidikan Islam SMTKK hasil dari perbincangan antara guru-guru panitiannya. Set soalan ini bertujuan untuk menjurus dan mengenal pasti kelemahan pelajar berkaitan hukum tersebut dan membantu penyelidik merancang aktiviti pengajaran pemulihan dengan lebih berkesan. Item-item yang terdapat dalam set soalan ujian diagnostik ini diberikan kepada tiga bentuk soalan:

- i. Bentuk pertama hanya meminta pelajar menyatakan huruf-huruf yang berkaitan dengan kedua-dua hukum di atas dengan mengisi tempat kosong yang disediakan di bawah hukum-hukum yang bersesuaian. Ia mengandungi 10 item. Item-item

ini merupakan item yang paling mudah, hanya menguji tahap pengetahuan pelajar sahaja.

- ii. Bentuk kedua para pelajar diminta mengenal pasti dan mengeluarkan hukum tajwid yang berkaitan dari ayat-ayat al-Quran yang disediakan.
- iii. Bentuk ketiga para pelajar diminta memberikan sebab kenapa terjadi hukum-hukum berkaitan dari kalimah-kalimah yang dikeluarkan.

Setelah mengetahui tahap kelemahan pelajar berkaitan tajwid tersebut, barulah penyelidik berbincang dengan guru-guru panitia Pendidikan Islam perkara-perkara yang diperlukan untuk menghasilkan modul pembelajaran kendiri bagi membantu pelajar meningkatkan penguasaan mereka. Sebanyak dua modul pembelajaran kendiri dihasilkan dan digunakan dalam kajian ini yang menyentuh tajuk Nun Sakinah dan Tanwin dan Mim Sakinah.

Soal selidik dan temubual.

Setelah modul dihasilkan penyelidik perlu melihat kesesuaianya dalam pembelajaran kendiri. Sehubungan itu penilaian formatif ke atas modul dijalankan. Instrumen yang digunakan ialah:

- a. Satu set soal selidik yang telah dibina oleh penyelidik. Soal selidik ini telah dibahagikan kepada empat bahagian yang mengandungi item-item tertentu untuk menilai kesesuaian modul ini semasa penilaian formatif dijalankan.

- b. Temu bual berstruktur yang dijalankan ke atas pelajar yang terlibat bagi melihat sejauhmana kesesuaian dan tahap kemudahan modul ini membantu mereka menguasai hukum tajwid terpilih.

Penghasilan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)

Tahap mereka bentuk penghasilan modul pengajaran kendiri.

Rcka bentuk pengajaran bagi modul ini merujuk kepada proses pengajaran dari mula hingga akhir , secara amnya mengandungi lima fasa yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu; 1) fasa analisis, 2) fasa reka bentuk 3) fasa pengembangan 4) fasa penilaian dan 5) fasa perlaksanaan.

Walau bagaimanapun berdasarkan kepada Model Dick dan Carey fasa-fasa tersebut dijalankan mengikut tahap-tahap yang diperlukan. Penghasilan modul pengajaran kendiri ini perlu berdasarkan objektif pembelajaran yang sepatutnya dicapai oleh pelajar berdasarkan Huraian Sukatan Pendidikan Islam tingkatan empat dan lima KBSM. Seperti Model Dick and Carey , menghasilkan sesebuah modul akan melibatkan sembilan peringkat berikut:

1. Menetapkan matlamat pengajaran
2. Membuat analisis pengajaran
3. Mengenal pasti kelakuan masuk dan ciri-ciri pelajar
4. Menulis objektif kelakuan
5. Membina item-item rujukan kriteria
6. Membuat strategi pengajaran
7. Membina dan memilih bahan-bahan pengajaran
8. Membina dan mengendalikan penilaian formatif
9. Membina dan mengendalikan penilaian sumatif.

Sebanyak dua MPK dihasilkan dan digunakan di dalam kajian ini yang menyentuh tajuk Nun Sakinah dan Tanwin dan Mim Sakinah.

1. Mengenalpasti matlamat pengajaran.

Tujuan mengenalpasti matlamat pengajaran ini untuk mengetahui masalah sebenar yang dihadapi di dalam pengajaran dan pembelajaran hukum tajwid yang membabitkan pelajar dan guru. Sehubungan itu, analisis keperluan perlu dijalankan terlebih dahulu dengan beberapa teknik digunakan antaranya;

i. Perbincangan dan temu bual antara guru panitia

Hasil temu bual tersebut, didapati masalah yang dihadapi adalah ramai pelajar yang gagal dalam menguasai hukum tajwid. Mereka masih gagal untuk menentukan, melabelkan, memberikan hukum atau menggaris tempat-tempat tertentu untuk memberi jawapan yang betul mengenai hukum tajwid yang dikenyatakan.

Kelemahan pelajar ini dapat dilihat dengan jelas apabila dijalankan ujian bacaan al-Quran secara lisan atau ujian tajwid secara bertulis. Hasil dari ujian bacaan al-Quran dan tajwid tersebut, para pelajar boleh dibahagikan kepada tiga golongan iaitu:

- a. Pelajar yang hanya mengenal huruf al-Quran tetapi tidak tahu langsung tajwid;
- b. Pelajar yang boleh membaca al-Quran agak lancar tetapi tajwid yang lemah.

c. Pelajar yang boleh membaca al-Quran dengan baik dan bertajwid.

Sesungguhnya itu, pelajar yang bermasalah dalam bacaan al-Quran dan tajwid tersebut perlu kepada pemulihian

2. Analisis pengajaran

Analisis pengajaran ini berdasarkan laporan analisis pencapaian pelajar yang diberikan oleh para guru panitia Pendidikan Islam. Analisis yang dijalankan adalah berkaitan dengan dua topik hukum tajwid yang terlibat.

Dari laporan yang diperolehi, menunjukkan masalah yang dihadapi ialah tidak dapat mengenal bentuk dan keadaan hukum tajwid yang terlibat.

Para pelajar yang lemah ini masih tidak boleh menentukan hukum tajwid Nun Sakinah dan Tanwin dan Mim Sakinah dengan tepat seperti tidak dapat melabelkan bacaan yang melibatkan ketiga hukum di atas. Para pelajar tidak boleh mengeluarkan hukum bacaan tersebut dari ayat yang diberikan. Tujuan diadakan analisis pengajaran ini untuk membentuk langkah-langkah pengajaran yang bersesuaian secara terperinci.

3. Mengenal pasti kelakuan masuk dan ciri-ciri pelajar.

Dalam peringkat ini, pengetahuan sedia ada pelajar diambil kira. Ia perlu ditentukan terlebih dahulu. Kaedah untuk mengetahui pengetahuan sedia ada pelajar ini didapati dengan cara memberikan ujian kepada pelajar.

Satu ujian diagnostik telah dijalankan untuk mengetahui kelemahan yang dihadapi oleh pelajar. Ia juga dapat membantu untuk mengetahui sejauhmana pengetahuan sedia ada dan tahap mana sebenarnya pencapaian pelajar berkenaan satu perbincangan atau temubual dengan para guru panitia Pendidikan Islam telah dijalankan untuk mengetahui pencapaian

ujian yang dijalankan, contohnya peperiksaan pertengahan tahun atau ujian bulanan yang dijalankan. Para guru panitia Pendidikan Islam yang pastinya mengetahui berhubung pencapaian pelajar mereka dalam mata pelajaran tersebut sehubungan itu para guru panitia mencadangkan prasyarat yang seharusnya ada pada pelajar di dalam pembelajaran tajwid ini.

4. Objektif kelakuan

Untuk mentafsir sesuatu matlamat dan Objektif kelakuan

Objektif ini lebih khusus dan terperinci. Ia bertujuan membantu pelajar dalam proses pembelajaran. Pencapaian pelajar diukur dengan lebih terperinci dengan lebih mudah. Setiap pencapaian pelajar diukur dengan objektif kelakuannya. Dalam kajian ini objektif kelakuan yang diperlukan bagi pelajar ialah pemahaman mereka dengan berjaya mengeluarkan hukum tajwid yang berkaitan samada dengan menggariskan, menulis semula perkataan yang berkaitan hukum yang diberikan berdasarkan apa yang dikehendaki. Hukum tersebut mengikut hukum masing-masing. Apabila pelajar dapat melakukan perkara tersebut dapat diketahui tahap pemahaman dan penguasaannya

5. Membina item-item Ujian Rujukan Kriteria

Dalam penggunaan modul ini dua set Ujian Rujukan Kriteria telah disediakan; pertama pra ujian yang akan dijawab oleh pelajar sebelum menggunakan modul yang disediakan ; dan kedua pasca ujian yang akan dijawab selepas menggunakan modul yang disediakan. Markah pencapaian mereka dicatitkan dan akan dibandingkan antara kedua-dua keputusan ujian tersebut. Bagi kedua-dua Ujian Rujukan Kriteria tersebut, menguji perkara yang sama berkaitan modul, walaubagaimanapun, item

yang diberikan berlainan. Ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana tahap pemahaman pelajar bagi topik yang dihasilkan di dalam modul tersebut. Pra ujian mempunyai 40 item soalan manakala pasca ujian mengandungi 50 item soalan dengan markah penuh 100%.

6. Strategi Pengajaran

Strategi pengajaran bertujuan untuk menghasilkan modul mengikut tahap kebolehan pelajar. Bermula dari perkara yang menjadi punca kepada masalah penguasaan dan mengikut tahap demi tahap penguasaan mereka. Ini bertujuan supaya pelajar dapat mengikut modul ini dengan mudah dan tidak merasa besan serta menarik minat mereka. Terdapat aktiviti-aktiviti yang disertakan dalam pengajaran ini untuk membantu pelajar meningkatkan pemahaman dan penguasaan mereka. Pengajaran ini dijalankan mengikut kaedah “frame” demi “frame” supaya pelajar tidak keliru dan ia mudah diikuti.

7. Kembang dan Pilih Bahan Pengajaran

Modul ini membahagikan bahan-bahan pengajaran ke dalam unit-unit yang kecil. Sebagai contoh, dalam Bab Nun Sakinah dan Tanwin, pengajaran diberikan kepada lima sub topik iaitu Izhar Halqi, Idgham Maalghunnah, Idgham Bilaghunnah, Ikhfak Hakiki dan Iqlab. Begitu juga dalam bab hukum tajwid Mim Sakinah. Bagi setiap sub topik mempunyai empat perkara iaitu: Nota pelajaran yang berkaitan hukum tersebut; Latihan terbimbing yang diberikan sebagai mengukuhkan pemahaman; Penjelasan bagi jawapan yang diberikan di dalam latihan terbimbing dan akhir sekali Latihan kendiri dimana pelajar akan menjawab tanpa bimbingan tetapi jawapan mereka akan dirujuk kepada guru.

Semua latihan berdasarkan tahap yang ingin dicapai berdasarkan objektif.

Jika pelajar berjaya mengikut tahap yang diberikan, mereka akan meneruskan pembelajaran berpandukan modul tetapi jika mereka gagal, mereka perlu merujuk nota yang diberikan sekali lagi sehingga berjaya. Ini bermakna mereka akan berpatah ke muka surat terdahulu bagi topik yang tidak dikuasai.

8. Penilaian Formatif

Penilaian terhadap modul yang dihasilkan bertujuan untuk mengetahui kesesuaianya dalam pembelajaran. Modul ini diberikan kepada pelajar dan guru Panitia Pendidikan Islam. Penilaian oleh guru Panitia penting bagi mengetahui kesesuaian modul ini dalam pembelajaran sebagai MPK. Peringkat ujian yang dijalankan adalah ujian satu dengan satu iaitu seramai 4 orang pelajar diambil untuk ujian ini, mereka memberikan pendapat dan pandangan berkaitan modul tersebut. Seterusnya setelah dilakukan pembaikan dan peningkatan modul ini digunakan untuk kajian rintis.

Semasa ujian dijalankan beberapa perkara diambil perhatian:

9. Penilaian sumatif

Penilaian sumatif tidak dijalankan ke atas para pelajar kerana modul ini hanya diuji dari segi kesesuaian untuk pengajaran pemulihan dan hasilnya boleh didapati dari ujian penilaian formatif, satu dengan satu dan penilaian formatif kumpulan kecil sebagai kajian rintis.

Kajian rintis

Setelah modul terhasil dengan semua tajuk-tajuk terpilih yang dibina untuk pemulihan pelajar, satu kajian rintis dijalankan bagi melihat kesesuaian

dan keberkesanannya modul tersebut. Kajian rintis ini dijalankan ke atas seramai 16 orang pelajar . Mereka menggunakan modul yang telah diubahsuai dan diperbaiki berdasarkan maklum balas yang didapati dari penilaian formatif satu dengan satu. Untuk kajian rintis ini mereka yang terpilih tidak termasuk dari golongan pelajar yang menjalankan ujian satu dengan satu.

Analisa data

Data-data yang diperolehi dianalisis dengan kaedah asas statistik yang berdasarkan kekerapan dan pemeratusan untuk mengetahui kesesuaian dan keberkesanannya modul yang dihasilkan bagi pemuliharaan tajwid al-Quran ini. Perisian SPSS digunakan dalam penganalisisan data ini.

Analisis Ujian-t

Ujian-t digunakan untuk menilai perbezaan dan perubahan pengetahuan pelajar setelah menggunakan modul. Data-data diperolehi hasil keputusan pre test dan post test.

Borang Penilaian

Borang penilaian digunakan untuk mendapat pandangan pelajar terhadap ciri-ciri modul yang dihasilkan, samada ia menepati ciri-ciri reka bentuk pengajaran yang sesuai. Dapatkan dari soal selidik ini akan di analisis untuk mengetahui min, mod berdasarkan taburan markah dan jadual kontijensi.

Temu bual

Temu bual akan transkripsikan dan dirakam. Tujuannya untuk mengkaji perasaan pelajar terhadap penggunaan MPK. Kedua untuk

mendapatkan pandangan mereka tentang MPK tersebut dari segi fizikal dan kesannya ke atas pemahaman dan penguasaan pelajar dalam hukum tajwid.